

PM: Sistem merit kemasukan ke IPTA diteruskan

UM 30 MAY 2002

KUALA LUMPUR 29 Mei — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan akan tetap menggunakan sistem merit bagi kemasukan pelajar-pelajar ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA), sekurang-kurangnya untuk tahun ini.

Perdana Menteri berkata, perkara itu telah diputuskan oleh kabinet dalam mesyuaratnya hari ini selepas mengambil kira keputusan yang dicapai berhubung perkara itu sebelum ini.

Beliau berkata, adalah tidak wajar bagi kerajaan mengubah pendiriannya secara tergesa-gesa hanya kerana keputusan pelaksanaannya tidak menepati jangkaan awal.

“Apabila kita memutuskan untuk berbuat sesuatu tetapi keputusannya tidak seperti yang dijangkakan, kita tidak boleh berkata, kita tidak suka perkara itu kerana ia tidak menepati jangkaan.

“Kita perlu kekalkan keputusan itu sekurang-kurangnya untuk tahun ini,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Kongres Dunia ke-53 Persekutuan Hartanah Antarabangsa (FIABCI) di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini.

Bagaimanapun, kata Perdana Menteri, kerajaan sedia mempertimbangkan kes-kes tertentu yang memerlukan penilaian dan pertimbangan khusus.

Dr. Mahathir berkata, semasa kerajaan mengumumkan mengenai pemilihan ke IPTA berasaskan sistem merit, kerajaan menjangkakan bilangan pelajar Bumiputera akan merosot dengan banyak.

“Tetapi itu merupakan jangkaan kerajaan sahaja kerana apabila dilaksanakan, ia menjadi sesuatu yang berlainan sama sekali,” katanya.

Sehubungan itu katanya, orang ramai tidak wajar menyifatkan kemasukan lebih ramai pelajar Bumiputera itu sebagai tidak adil.

Katanya, mereka sepatutnya membantah cadangan memperkenalkan sistem merit itu apabila ia diumumkan dan bukannya selepas ia dilaksanakan.

Mengenai dakwaan MIC bahawa ramai pelajar India yang layak terlepas peluang berikutan penggunaan sistem merit, Dr. Mahathir berkata, perkara itu berlaku kepada semua kaum dan bukannya kepada kaum India sahaja.

“Semua kaum mempunyai orang yang layak dan mempunyai kelayakan minimum untuk masuk universiti tetapi kerana tempat terhad, mereka tidak dapat masuk universiti,” jelasnya.

Cadangan sistem kemasukan pelajar ke IPTA berasaskan merit ditimbulkan oleh Dr. Mahathir pada 27 Julai tahun lalu sebagai usaha kerajaan mengambil tindakan radikal bagi menangani masalah pelajar Bumiputera.

Pelaksanaannya bagaimanapun mendapat reaksi berbeza daripada pelbagai pihak yang antaranya bimbang bilangan pelajar bumiputera ke IPTA akan berkurangan dengan banyak.

Namun, Kabinet pada 1 Ogos tahun lepas membuat keputusan menyokong cadangan untuk melaksanakan sistem merit ke IPTA.

Sistem itu mengetepikan sistem kuota 55:35:10 yang diperuntukkan kepada tiga kaum utama di negara ini.

Bagaimanapun jangkaan kemerosotan jumlah pelajar Bumiputera itu meleset sama sekali apabila 22,557 orang pelajar Bumiputera ditawarkan tempat di IPTA.

Jumlah itu merupakan 68.9 peratus daripada keseluruhan pelajar yang ditawarkan tempat.

Sebanyak 8,665 orang lagi (26.4 peratus) ialah pelajar Cina manakala selebihnya 1,530 orang (4.7 peratus) adalah pelajar India.